

Panduan Penghantaran Cukai Pendapatan Individu yang Bekerja Sendiri (Borang B)



Tarikh Akhir Penghantaran: 15 Apr 2022

Penghantaran laporan pendapatan adalah wajib sekiranya anda telah menerima pemberitahuan untuk menyerahkannya.

Maklumat Umum untuk Tahun Taksiran (YA) 2022

<p>Set maklumat ini bertujuan untuk memberi kefahaman umum yang lebih baik tentang kewajipan pembayar cukai dan tidak bertujuan untuk menangani secara menyeluruh, semua isu cukai yang mungkin akan timbul.</p> <p>Maklumat ini di kemas kini pada 11 Apr 2022 mengenai Pelaporan Pendapatan Sewa. Walaupun segala usaha telah dilakukan untuk memastikan maklumat ini sejajar dengan undang-undang dan amalan sedia ada, namun sekiranya terdapat sebarang perubahan, IRAS berhak untuk mengubah kedudukan kami dengan sewajarnya.</p>	
Perlukan Bantuan?	<p>Lungsuri laman web IRAS</p> <ul style="list-style-type: none"> • Untuk mendapatkan maklumat tentang hal-hal cukai secara umum dan kadar cukai pendapatan bagi YA2022; • Untuk mendapat jawapan segera tentang cukai, tanya Jamie atau berbual dengan kami dalam talian • Untuk menggunakan 'Alat Pelepasan Peribadi' (Personal Relief Checker) untuk memeriksa kelayakan anda bagi pelepasan cukai; • Untuk menggunakan 'Kalkulator Sewa' (Rental Calculator) untuk mengira pendapatan sewa anda; • Untuk menggunakan 'Kalkulator Cukai Pendapatan' (Income Tax Calculator) untuk mengira cukai pendapatan anda. <p>Hubungi kami melalui kaedah berikut: Telefon: 1800 3568300 E-mel: melalui melalui mytax.iras.gov.sg (menggunakan myTax Mail)</p>
Penyerahan Dokumen	<ul style="list-style-type: none"> • Jangan menghantar dokumen sokongan seperti resit bagi premium insurans, derma, yuran kursus dan invois untuk urusan perniagaan bersama Borang B anda melainkan anda diminta berbuat demikian. Semua dokumen yang dihantar tidak akan dipulangkan. • Anda dikehendaki menyimpan rekod dan dokumen pendapatan, potongan dan pelepasan yang diisytiharkan dalam borang penyata cukai anda dengan betul. • Sila simpan semua rekod, resit dan dokumen anda bagi sebarang tuntutan untuk pelepasan atau perbelanjaan selama sekurang-kurangnya 5 tahun untuk tujuan pengesahan.
Maklumat Lain	<ul style="list-style-type: none"> • Tinggalkan sen; isikan dolar sahaja. Sebagai contoh, untuk \$850.80, isikan \$850.

Melengkapkan Muka Surat 2 Borang B dan Lampiran 1 berkenaan Pendapatan Dari Pelbagai Perdagangan

1. Perdagangan, Perniagaan, Kekaryawan atau Kejuruan	<p>a. Pendapatan Pemilikan Tunggal/Bekerja Sendiri (contohnya Ejen Insurans, Pemandu Teksi dan Penjaja)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Jika perniagaan anda berdaftar dengan ACRA (Accounting and Corporate Regulatory Authority), sila isikan nombor pendaftaran perniagaan di kotak-kotak yang disediakan di perkara 1a (4) Nombor Entiti Unik di muka surat 2 Borang B. Jangan isikan “-” untuk nombor pendaftaran perniagaan, misalnya, jika nombor pendaftaran perniagaan anda ialah 521234-00X, isikan 52123400X. • Anda dikehendaki menyediakan penyata akaun yang disahkan (akaun untung rugi dan lembaran imbalan) dan menyimpan rekod urus niaga anda dengan sempurna kerana ini mungkin akan diminta untuk pengesahan. • Sekiranya anda menjalankan perdagangan, perniagaan, karyawan atau kejuruan, anda perlu menyimpan buku akaun yang sempurna dan rekod-rekod lain perniagaan anda selama sekurang-kurangnya 5 tahun, untuk membolehkan kami menentukan pendapatan anda dan perbelanjaan perniagaan yang dibenarkan dengan mudah <ul style="list-style-type: none"> • Jika anda menerima pembayaran berkaitan Covid19, mereka mungkin dikenakan cukai pendapatan seperti Pakej Sokongan Pekerja Kanan, Skim Kredit Gaji dan Insentif Pertumbuhan Pekerjaan. Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai rawatan cukai pendapatan pembayaran berkaitan Covid19, sila rujuk [Home > News & Events > Singapore budget COVID-19 Support Measures and Tax Guidance > Tax Guidance > For Companies/Self-Employed/Partnerships > Point-to-Point Support Package] • Anda dikehendaki melaporkan ringkasan akaun anda seperti berikut: Hasil Keuntungan/Kerugian Kasar Perbelanjaan Perniagaan yang Dibenarkan Keuntungan/Kerugian yang Dilaraskan <ul style="list-style-type: none"> • Bagi <u>hasil \$500,000 atau lebih</u>, anda perlu menyerahkan akaun untung dan rugi dan lembaran imbalan yang disahkan oleh anda sebagai benar dan tepat. • Bagi <u>hasil kurang daripada \$500,000</u>, anda tidak perlu menyerahkan penyata akaun yang disahkan. • Bagi <u>hasil \$200,000 atau kurang</u>, anda hanya perlu melaporkan penyata 2 baris, iaitu Hasil dan Keuntungan/Kerugian yang Dilaraskan. • Jika akaun kewangan anda ditetapkan dalam mata wang selain daripada dolar,
---	---

	<p>Singapura, anda harus memastikan bahawa Penyata Akaun yang disahkan untuk diberikan kepada Pengawal Cukai Pendapatan disediakan dalam mata wang asing tersebut. Walau bagaimanapun, penyata 4 baris dalam borang penyata cukai anda harus diisytiharkan dalam mata wang Singapura.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bayaran Skim Kredit Gaji (WCS) akan dimasukkan secara automatik oleh IRAS dan anda tidak perlu isytiharkan penerimaannya secara berasingan.
	<p>Hasil: ini adalah jumlah penerimaan, sebelum pemotongan perbelanjaan bagi perniagaan anda dalam tahun perakaunan berakhir 2021 dan ia termasuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Hasil jualan barangan; • Nilai pasaran saham dagangan dan apabila ia diperuntukkan bukan untuk perdagangan atau tujuan modal, contoh barangan yang diambil untuk kegunaan anda sendiri, ataupun untuk keluarga atau rakan-rakan anda. • Keuntungan daripada pelupusan asset bukan perdagangan atau modal yang menjadi stok dagangan dan kemudiannya dijual, keuntungan dikira berdasarkan nilai pasarnya pada tarikh aset bukan dagangan atau modal menjadi saham dagangan. • Bayaran/yuran yang diterima atau yang patut diterima untuk perkhidmatan yang diberi; • Bil (dibayar atau belum dibayar) yang telah dikirimkan kepada pelanggan; <p>Keuntungan/Kerugian Kasar: ini adalah jumlah hasil setelah ditolak kos barangan yang dijual. Jika perniagaan anda tidak melibatkan penjualan barang-barang, maka keuntungan kasar adalah sama dengan jumlah hasil anda.</p> <p>Perbelanjaan Perniagaan yang Dibenarkan: ini adalah perbelanjaan yang dikeluarkan sepenuhnya dan khas untuk penghasilan pendapatan anda. Perbelanjaan berdasarkan anggaran tidak akan diterima.</p> <p>Untuk maklumat lanjut tentang perbelanjaan perniagaan yang dibenarkan dan yang tidak dibenarkan, sila rujuk [Home>Taxes>Individual Income Tax>Self Employed and Partnerships>Business Expenses and Deductions]</p>
	<p>Dari tahun taksiran (YA) 2019, jika anda seorang pemandu kereta sewa peribadi/ pemandu teksi, anda boleh memilih untuk menuntut potongan cukai berdasarkan 60 peratus daripada pendapatan memandu anda. Jumlah ini dianggap jumlah keseluruhan perbelanjaan yang ditanggung (termasuk sewa teksi dan diesel) untuk mendapatkan pendapatan memandu anda. Untuk matlumat lanjut mengenai cukai untuk pemandu kereta sewa peribadi, sila rujuk ke [Home >Taxes>Individual Income Tax>Self-Employed>Understanding Self-Employed Income Filing>Business Expenses and Deductions>Filing for Self-Employed Income>Pre-filing of Income and Fixed Expense Deduction Ratio for Self-Employed Persons (SEPs)].</p> <p>Sekiranya anda menerima pembayaran Dana Bantuan Pemandu Covid-19 (CDRF), yang menggantikan Dana Bantuan Khas mulai 2021, pembayaran oleh pemerintah pada tahun taksiran 2022 (untuk tempoh asas 2021), dikecualikan daripada cukai pendapatan kerana ia bertujuan untuk memberikan sokongan kewangan untuk pemandu teksi dan pemandu kereta sewa persendirian semasa pandemik COVID-19. Sekiranya pembayaran diberikan kepada anda dalam bentuk pengurangan sewa dan jika anda memilih untuk menuntut potongan cukai berdasarkan perbelanjaan sebenar, anda tidak perlu mengurangkan perbelanjaan sewa anda yang dituntut dengan jumlah ini. Anda harus menuntut perbelanjaan sewa sebenar yang dikenakan oleh pengendali sebelum mengambil kira pembayaran CDRF.</p> <p>Sokongan tambahan dari pengendali anda dalam bentuk pembayaran kewangan atau kredit e-wallet yang di terima pada tahun 2021 dianggap sebagai pendatan tambahan kepada pemandu dan dikenakan cukai pada tahun taksiran 2022. Sekiranya sokongan tambahan dari pengendali diberikan kepada anda dalam bentuk pengurangan sewa dan jika anda memilih untuk menuntut potongan cukai berdasarkan perbelanjaan sebenar, anda harus menuntut perbelanjaan sewa sebenar yang dikenakan oleh pengendali (ialah jumlah selepas pengurangan sewa).</p> <p>Seperti yang diumumkan dalam Bajet 2021, Rebat Cukai Jalan (RTR) dan Rebat Duti Petrol Tambahan (APDR) telah disediakan untuk mengimbangi kenaikan duti petrol. Jika anda menerima RTR atau APDR dalam bentuk pengurangan sewa, anda boleh menuntut sewa sebenar yang dikenakan oleh pengendali teksi atau pemajak kenderaan pada tahun 2021, tanpa mengurangkan jumlah RTR atau APDR. Walau bagaimanapun, jika anda menerima penjimatan daripada RTR atau APDR dalam bentuk pembayaran kewangan atau kredit e-wallet, sila kurangkan jumlah ini daripada perbelanjaan perniagaan anda yang dituntut (iaitu jumlah bersih selepas RTR/APDR).</p>

Secara ringkas				
Jika saya mendapat sokongan kewangan ini	Pembayaran CDRF pemerintah		Sokongan tambahan dari pengendali	
	Diberikan secara langsung (pindahan wang melalui bank atau kredit e-wallet)	Melalui pengurangan yuran sewa	Diberikan secara langsung (pindahan wang melalui bank atau kredit e-wallet)	Melalui pengurangan yuran sewa
Bagaimana saya harus menyatakan pendapatan saya dari memandu?	<ul style="list-style-type: none"> • Tambang penumpang kasar • Insentif/ Rebat/ Promosi/ Pembayaran yang lain, dll <p>Jangan masukkan pembayaran CDRF</p>	Tambang penumpang kasar <ul style="list-style-type: none"> • Insentif / Rebat / Promosi/ Pembayaran yang lain, dll 	<ul style="list-style-type: none"> • Tambang penumpang kasar • Insentif/ Rebat/ Promosi/ Pembayaran yang lain, dll • Pembayaran sokongan tambahan yang diberikan oleh pengendali anda untuk menambah pendapatan memandu anda. 	Tambang penumpang kasar <ul style="list-style-type: none"> • Insentif/ Rebat/ Promosi/ Pembayaran yang lain, dll
Bagaimana saya harus menuntut perbelanjaan saya?				
Menuntut ^ Perbelanjaan sebenar	<ul style="list-style-type: none"> • Perbelanjaan perniagaan yang ditolak contoh: minyak, bayaran tempat letak kereta, bayaran khidmatan yang dibayar kepada pengendali perkhidmatan tempahan • Caj sewa penuh 	<ul style="list-style-type: none"> • Perbelanjaan perniagaan yang ditolak contoh: minyak, bayaran tempat letak kereta, bayaran khidmatan yang dibayar kepada pengendali perkhidmatan tempahan • Caj sewa penuh <p>Jangan potong pengurangan yuran sewa</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Perbelanjaan perniagaan yang ditolak contoh: minyak, bayaran tempat letak kereta, bayaran khidmatan yang dibayar kepada pengendali perkhidmatan tempahan • Caj sewa penuh 	<ul style="list-style-type: none"> • Perbelanjaan perniagaan yang ditolak contoh: minyak, bayaran tempat letak kereta, bayaran khidmatan yang dibayar kepada pengendali perkhidmatan tempahan • Caj sewa penuh tolak pengurangan yuran sewa
Menuntut ^ FEDR	60% FEDR pada Hasil anda	60% pada Hasil anda	60% FEDR pada Hasil anda	60% FEDR pada Hasil anda

Jika saya mendapat sokongan kewangan ini	Penjimatan RTR		Penjimatan APDR	
	Diberikan secara langsung (pindahan wang melalui bank atau kredit e-wallet)	Melalui pengurangan yuran sewa	Diberikan secara langsung (pindahan wang melalui bank atau kredit e-wallet)	Melalui pengurangan yuran sewa
Bagaimana saya harus menyatakan pendapatan saya dari memandu?	<ul style="list-style-type: none"> • Tambang penumpang kasar • Insentif/ Rebat/ Promosi/ Pembayaran yang lain, dll <p>Jangan masukkan pembayaran RTR</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Tambang penumpang kasar • Insentif / Rebat / Promosi/ Pembayaran yang lain, dll <p>Jangan masukkan pembayaran RTR</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Tambang penumpang kasar • Insentif/ Rebat/ Promosi/ Pembayaran yang lain, dll <p>Jangan masukkan pembayaran APDR</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Tambang penumpang kasar • Insentif/ Rebat/ Promosi/ Pembayaran yang lain, dll <p>Jangan masukkan pembayaran APDR</p>
Bagaimana saya harus menuntut perbelanjaan saya?				
Menuntut ^ Perbelanjaan sebenar	<p>*Perbelanjaan perniagaan yang ditolak contoh: minyak, bayaran tempat letak kereta, bayaran khidmatan yang dibayar kepada pengendali perkhidmatan tempahan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Caj sewa penuh <p>Dikurangkan daripada perbelanjaan</p>	<p>Perbelanjaan perniagaan yang ditolak contoh: minyak, bayaran tempat letak kereta, bayaran khidmatan yang dibayar kepada pengendali perkhidmatan tempahan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Caj sewa penuh <p>Jangan potong pengurangan yuran sewa</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Perbelanjaan perniagaan yang ditolak contoh: minyak, bayaran tempat letak kereta, bayaran khidmatan yang dibayar kepada pengendali perkhidmatan tempahan • Caj sewa penuh <p>Dikurangkan daripada perbelanjaan</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Perbelanjaan perniagaan yang ditolak contoh: minyak, bayaran tempat letak kereta, bayaran khidmatan yang dibayar kepada pengendali perkhidmatan tempahan • Caj sewa penuh <p>Jangan potong pengurangan yuran sewa</p>
Menuntut ^ FEDR	60% FEDR pada Hasil anda	60% pada Hasil anda	60% FEDR pada Hasil anda	60% FEDR pada Hasil anda
<p>Manuntut potongan cukai sama ada nisbah pengurangan perbelanjaan sebenar <u>atau</u> perbelanjaan tetap (FEDR).</p> <p>Untuk maklumat lanjut mengenai urusan cukai untuk pembayaran Pemerintah dan sokongan tambahan dari pengendali dan pembayaran RTR / APDR, sila rujuk ke laman [Home > News & Events > Singapore budget COVID-19 Support Measures and Tax Guidance > Tax Guidance > For Companies/Self-Employed/Partnerships > Point-to-Point Support Package]</p>				

Dari tahun taksiran (YA) 2020, jika anda seorang ejen komisen bekerja sendiri (contoh: ejen komisen am, ejen insurans, ejen hartanah atau remisier) yang memperolehi pendapatan komisen tahunan kasar sehingga \$50,000 yang mana anda telah menanggung perbelanjaan yang boleh ditolak, anda boleh memilih untuk menuntut potongan cukai untuk perbelanjaan berdasarkan 25 peratus daripada pendapatan komisen kasar anda. Jumlah ini dianggap jumlah keseluruhan perbelanjaan yang ditanggung untuk memperolehi pendapatan komisen anda.

Mengira Elaun Modal

- Peraturan umum bagi elaun modal ke atas loji dan jentera adalah:
 - (i)elaun permulaan sebanyak 20% daripada perbelanjaan modal yang ditanggung pada tahun itu; dan
 - (ii)elaun tahunan pada kadar yang ditetapkan bagi haus dan lusuh berdasarkan jadual keenam akta cukai pendapatan.
- Elaun modal yang dipercepatkan dan bukan elaun permulaan dan tahunan yang dinyatakan di atas boleh dituntut ke atas semua loji dan jentera (termasuk kereta, motosikal dan kenderaan barangan ringan). Perbelanjaan modal boleh dihapuskan dalam tempoh tiga tahun.
- Untuk loji dan jentera yang diperolehi selama tempoh asas untuk tahun taksiran 2021 dan 2022, anda boleh membuat pilihan yang tidak dapat ditarik balik untuk mempercepatkan penghapusan dari dua tahun taksiran.
 - diperolehi dalam tempoh asas tahun taksiran 2021 (tahun taksiran 2021 - 75% daripada perbelanjaan modal & tahun taksiran 2022 - 25% dari perbelanjaan modal);
 - diperolehi dalam tempoh asas tahun taksiran 2022 (tahun taksiran 2022 - 75% daripada perbelanjaan modal & tahun taksiran 2023 - 25% dari perbelanjaan modal);
- Untuk komputer, peralatan automasi yang ditetapkan, laman web, robot industri, penjana dan peralatan lain di bawah S19A(5) hingga S19A(9), tuntutan boleh dibuat bagi 100% perbelanjaan modal untuk dihapuskan dalam satu tahun.
- Aset-aset yang kosnya tidak lebih daripada \$5,000 setiap satu boleh dihapuskan dalam satu tahun, tertakluk kepada syarat bahawa jumlah tuntutan bagi 100% penghapusan bagi semua aset-aset seperti itu adalah tidak lebih daripada \$30,000 setiap Tahun Taksiran.
- Dalam hal loji dan jentera yang telah dijual, dijadikan sekerap atau dimusnahkan, elaun imbalan diberi jika nilai cukai yang tertulis melebihi hasil jualan atau pembuangan. Jika hasil jualan atau pembuangan melebihi nilai cukai yang tertulis, tunjangan imbalan akan dikenakan cukai. Tunjangan imbalan dihadkan kepada jumlah keseluruhan elaun modal yang dibenarkan sebelum ini berhubung dengan aset yang telah dijual/ dilupuskan.
- Jika hasil perniagaan adalah \$500,000 atau lebih dan anda menuntut elaun modal terhadap pendapatan daripada perdagangan, perniagaan atau pendapatan profesional, sila berikan butir-butir aset yang dibeli/dijual di kertas yang berasingan.
- Untuk maklumat lanjut mengenai cara mengira elaun modal anda, sila rujuk kepada Kalkulator Elaun Modal kami di [\[Home>Quick Links>Calculators>Capital Allowance Calculator\]](#)

Keuntungan/Kerugian yang Dilaraskan: ini adalah jumlah yang diperolehi daripada keuntungan/kerugian kasar setelah dipotong perbelanjaan perniagaan yang dibenarkan dan sebarang tuntutan elaun modal.

b. Perkongsian

- Sila periksa dengan rakan kongsi utama anda mengenai bahagian pendapatan anda daripada perkongsian tersebut.
- Isikan bahagian untung rugi anda, gaji, CPF, faedah, sewa, pendapatan Singapura yang lain, pendapatan asing yang diperolehi melalui perkongsian. Untuk gaji/ bonus/ CPF/ faedah anda yang diperolehi daripada perkongsian, isikan jumlah tersebut dalam bahagian 1b [PARTNERSHIP 1] di muka surat 2. Jangan isikan pendapatan ini di bahagian 2 [EMPLOYMENT] di muka surat 2.
- Anda boleh menuntut penolakan cukai ke atas perbelanjaan seperti langganan yang dibayar kepada badan-badan kekaryawan yang tidak dikenakan kepada akaun untung dan rugi perkongsian dengan syarat perbelanjaan tersebut belum dituntut daripada pendapatan anda yang lain.
- Untuk perbelanjaan yang dikeluarkan dalam pengeluaran pendapatan perkongsian anda, sila tuntutan perbelanjaan ini di dalam akaun perkongsian di dalam borang penyata cukai pendapatan perkongsian (Borang P).
- Jika anda adalah rakan kongsi utama dalam satu perkongsian, anda juga dikehendaki menghantar borang penyata cukai perkongsian yang berasingan (Borang P).

<p>2. Pekerjaan</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Sekiranya anda seorang rakan kongsi dalam lebih daripada satu perkongsian, sila lengkapkan Lampiran 1 (Bahagian 2) dan pindahkan jumlah pendapatan perdagangan daripada Bahagian 3 ke Bahagian 1 perkara c di muka surat 2 Borang B.
	<p>Pendapatan Pekerjaan yang Dimasukkan secara Automatik ke dalam Taksiran (rujuk ke laman iras untuk senarai majikan yang menyertai Skim Penyertaan Automatik (AIS) untuk Pendapatan Pekerjaan)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Jangan berikan butiran pendapatan pekerjaan anda kerana kami memperoleh maklumat ini secara langsung daripada majikan anda. Kami akan memasukkan maklumat peribadi ini secara automatic ke dalam taksiran anda. Sebaliknya isikan '0'. • Jangan berikan butiran gaji anggota Perkhidmatan Negara anda kerana kami memperoleh maklumat ini secara langsung daripada MINDEF/Pasukan Polis Singapura/Pertahanan Awam Singapura. Sebaliknya isikan '0'. <p>Pendapatan Pekerjaan yang TIDAK dimasukkan secara Automatik ke dalam Taksiran</p> <ul style="list-style-type: none"> • Isikan jumlah gaji, bonus, yuran pengarah dan lain-lain jenis pendapatan pekerjaan sebagaimana yang terdapat dalam Borang IR8A anda dalam perkara 2 (a) hingga 2 (d) di Muka Surat 2 Borang B. Pendapatan pekerjaan lain termasuk pendapatan separuh masa, elaun, faedah sampingan, ganjaran, pencen (tidak termasuk pencen Pemerintah Singapura) dan faedah lain yang dikenakan cukai dalam bentuk tunai atau bukan tunai seperti keuntungan dari skim pilihan stok dll. • Sekiranya anda tidak menerima Borang IR8A anda daripada majikan pada 31 Mac 2022, anda boleh memberi anggaran pendapatan anda untuk tahun 2021. Walau bagaimana pun, sila hantar Borang IR8A kepada IRAS apabila kamu menerimanya • Sila hantarkan Borang IR8A/S dan/atau Lampiran 8A/8B sekiranya: <ul style="list-style-type: none"> (a) Cukai pendapatan anda ditanggung oleh majikan anda; atau (b) Anda menerima keuntungan dari skim pilihan stok; atau (c) Anda menuntut konsesi "Not Ordinarily Resident" (NOR) <p>Perbelanjaan Pekerjaan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Anda boleh menuntut perbelanjaan yang ditanggung bagi tugas rasmi yang tidak diganti semula oleh majikan anda, sebagai contoh, perbelanjaan perjalanan (selain daripada perbelanjaan yang ditanggung ke atas kereta), dan perbelanjaan hiburan, langganan yang dibayar kepada badan-badan kekaryawan, Zakat Fitrah atau Zakat Harta dan dana pembinaan masjid (selain daripada yang dipotong melalui gaji anda sekiranya majikan anda menyertai Skim Memasukkan Pendapatan Pekerjaan secara Automatik). • Jika anda dikehendaki oleh majikan anda untuk bekerja dari rumah dan perbelanjaan pejabat rumah tambahan seperti caj elektrik dan caj telekomunikasi tidak diganti oleh majikan anda, anda boleh menuntut perbelanjaan ini untuk tujuan kerja yang dikeluarkan sebagai potongan terhadap pendapatan pekerjaan anda untuk tahun ini. Untuk maklumat lanjut, sila lungsur ke laman iras [Home>individuals>deductions for individuals/employment expenses]. • Sila lampirkan bersama borang penyata cukai anda, jadual perbelanjaan sebenar yang ditanggung dengan menyatakan ciri perbelanjaan, tarikh dan jumlah yang ditanggung. Sila simpan semua resit bagi tujuan pengesahan, dan sila maklum bahawa anggaran tidak diterima. <ul style="list-style-type: none"> • Jangan isi tuntutan untuk bayaran Zakat Fitrah atau Zakat Harta jika anda seorang pemegang NRIC/FIN yang telah memberi maklumat kepada Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS). Jumlah tersebut akan dipotong secara automatik daripada sumber pendapatan anda yang berkenaan berdasarkan maklumat daripada MUIS.
Pendapatan Lain (Melengkapkan Muka Surat 4 Borang B)	
<p>1. Faedah</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Jangan isytiharkan faedah yang diterima daripada sebarang simpanan dengan bank-bank atau syarikat kewangan berlesen yang diluluskan di Singapura kerana ia dikecualikan daripada cukai. • Walau bagaimanapun, anda perlu isytiharkan pendapatan faedah daripada simpanan bank yang tidak diluluskan atau syarikat kewangan yang tidak berlesen di Singapura, kedai pajak gadai, pinjaman kepada syarikat dan orang perseorangan, dll. • Sila rujuk kepada laman web MAS untuk senarai bank yang diluluskan dan syarikat kewangan berlesen di Singapura.

<p>2. Sewa daripada Harta Milik</p>	<ul style="list-style-type: none"> Sewa kasar termasuk sewa perabot dan perkakas. Anda boleh menuntut perbelanjaan yang ditanggung semata-mata untuk memperoleh pendapatan sewa semasa tempoh penyewaan. <p>Melaporkan Pendapatan Sewa</p> <ul style="list-style-type: none"> Jika anda memperoleh sewa daripada: <ul style="list-style-type: none"> harta milik sendiri atau bersama dalam tahun 2021, sila berikan butir-butir termasuk jumlah penuh sewa kasar/perbelanjaan yang ditanggung dan isikan bahagian sewa bersih anda berdasarkan pemilikan yang sah; atau sebahagian daripada harta milik anda (misalnya 1 bilik), anda diperlukan untuk membahagikan perbelanjaan yang boleh dituntut yang ditanggung berdasarkan bilangan bilik yang disewakan. Jangan menuntut perbelanjaan yang tidak boleh ditolak seperti denda yang dikenakan kerana lewat membayar cukai harta milik, bayaran cukai harta milik bagi tahun-tahun sebelumnya, kos pembelian awal dan susut nilai perabot dan perkakas, kos pembaikan permulaan dan ubah elok, pembayaran semula pinjaman atau kos penambahan dan ubah suai kepada harta milik. Anda boleh menuntut mana-mana perbelanjaan yang ditanggung oleh anda untuk pembaikan, insuran kebakaran, penyelenggaraan atau penjagaan hartanah apabila ia kosong pada mana-mana bahagian tahun 2021, dan sebarang cukai hartanah yang dibayar ke atas hartanah itu untuk tempoh kekosongan itu boleh ditolak daripada pendapatan sewa. Ini tertakluk kepada syarat bahawa usaha yang munasabah telah dibuat untuk mencari penyewa baharu semasa tempoh kekosongan di antara pajakan. Sebagai tambahan, komisen ejen, pengiklanan, perbelanjaan undang-undang dan duti setem yang anda telah tanggung dalam mendapatkan, pemberian, memperbaharui, atau melanjutkan pajakan untuk penyewa pertama anda kini dibenarkan berkuat kuasa dari tahun taksiran YA 2022. <p>(a) Defisit sewa (iaitu perbelanjaan yang boleh ditolak yang ditanggung untuk menyewa harta milik, melebihi sewa kasar yang diterima daripada harta milik tersebut) tidak boleh diimbangi terhadap sumber pendapatan lain.</p> <ul style="list-style-type: none"> Untuk mengira pendapatan sewa anda, anda boleh merujuk kepada 'Kalkulator Sewa' kami di laman IRAS. Untuk pelaporan sewa hartanah bukan kediaman yang layak di bawah Rangka Pelepasan Sewa, lursuri laman iras [Home > News & Events > Singapore budget > COVID-19 Support Measures and Tax Guidance > Tax Guidance > For Individuals > Rental Relief Framework - Reporting YA 2021 rental income by individuals who are owners of non-residential properties] <p>Membuat Tuntutan Perbelanjaan Sewa Untuk Hartanah Kediaman yang Disewa sahaja</p> <ul style="list-style-type: none"> Anda boleh menuntut perbelanjaan yang ditanggung untuk memperoleh pendapatan sewa pasif daripada hartanah kediaman di Singapura, berdasarkan sama ada: <ul style="list-style-type: none"> Faedah gadai janji dan jumlah perbelanjaan sewa yang dianggap telah dibelanjakan sebanyak 15% daripada sewa kasar, tertakluk kepada syarat-syarat; atau Jumlah perbelanjaan sewa sebenar yang ditanggung. Hartanah kediaman tidak termasuk sebarang hartanah yang telah diberikan kelulusan dibawah Akta Perancangan untuk sebarang kegunaan bukan kediaman (contohnya pusat jagaan kanak-kanak atau dormitori pekerja). Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada panduan e-Cukai IRAS "IRAS e-Tax guide "Simplification of Claim of Rental Expenses for Individuals"" <p><u>Bagi perbelanjaan sewa berdasarkan perbelanjaan sewa yang dianggap telah dibelanjakan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Kami akan secara automatik membenarkan 15% daripada sewa kasar sebagai perbelanjaan sewa. Anda tidak diperlukan untuk menyimpan rekod bagi perbelanjaan sewa yang ditanggung. Anda juga boleh menuntut sebarang faedah gadai janji yang ditanggung ke atas pinjaman yang diambil untuk membeli hartanah yang disewakan. Walau bagaimanapun, anda diperlukan untuk menyimpan dokumen sokongan berhubung dengan faedah gadai janji selama sekurang-kurangnya 5 tahun bagi tujuan pengesahan. Dasar perbelanjaan yang dianggap telah dibelanjakan ini harus dikenakan secara konsisten ke atas semua hartanah kediaman yang disewakan yang lain. <p>Dasar perbelanjaan yang tidak dibenarkan dalam keadaan yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> Anda tidak menanggung sebarang perbelanjaan yang boleh ditolak (selain daripada faedah gadai janji) berhubung dengan pendapatan sewa yang diperolehi; atau Anda memperoleh pendapatan sewa melalui perkongsian di Singapura; atau Anda memperoleh pendapatan sewa daripada hartanah yang diamankan. Anda memperoleh pendapatan sewa daripada hartanah kediaman yang dibenarkan untuk digunakan bagi tujuan bukan kediaman (contohnya pusat jagaan kanak-kanak atau dormitori pekerja).
--	---

	<p><u>Jika anda memilih untuk menuntut perbelanjaan sewa berdasarkan perbelanjaan sewa sebenar yang ditanggung</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Sila simpan dokumen sokongan (contoh perjanjian penyewaan, penyata gadai janji bank, invoice dan resit) selama sekurang-kurangnya 5 tahun bagi tujuan pengesahan. <p>Membuat Tuntutan Perbelanjaan Sewa Untuk Hartanah Bukan Kediaman yang Disewa sahaja</p> <ul style="list-style-type: none"> Anda hanya boleh menuntut perbelanjaan sewa sebenar yang ditanggung. Anda diperlukan menyimpan dokumen sokongan selama sekurang-kurangnya 5 tahun bagi tujuan pengesahan Untuk matlumat lanjut, lungsurilah laman iras [Home>Individuals>What is taxable, What is not>Rent Income and Expenses].
3. Royalti	<ul style="list-style-type: none"> Royalti ialah pendapatan yang diterima bagi hak untuk menggunakan hak cipta, paten, tanda dagangan, dll. Untuk royalti yang diterima bagi sebarang hasil sastera, drama, muzik atau seni (kecuali bayaran untuk hasil kerja yang diterbitkan di dalam surat khabar dan terbitan berkala), jumlah yang dicukai adalah baki royalti selepas potongan yang dibenarkan atau 10% daripada jumlah kasar, yang mana kurang.
4. Penerimaan Tunjangan	<ul style="list-style-type: none"> Penerimaan Tunjangan termasuk pendapatan yang diterima di bawah surat ikatan atau perintah mahkamah. Pembayaran nafkah dan sara hidup yang diterima oleh seorang individu wanita daripada bekas suaminya, sama ada dibayar secara sukarela atau di bawah Perintah Mahkamah/Surat Ikatan Pemisahan dikecualikan daripada cukai.
5. Pendapatan Harta Pusaka/ Amanah	<ul style="list-style-type: none"> Pendapatan estet /amanah termasuk sebarang pengagihan pendapatan yang diterima daripada sebuah estet di bawah pentadbiran (pendapatan estet) atau bahagian hak anda bagi pendapatan daripada amanah swasta atau estet yang diamanahkan (pendapatan amanah). Untuk pendapatan harta pusaka, sila isytiharkan pendapatan tersebut pada tahun anda menerimanya. Untuk pendapatan amanah, sila isytiharkan bahagian anda bagi pendapatan pada tahun kelayakan anda. Anda tidak dikehendaki mengisytiharkan pengagihan modal dan pendapatan dikecualikan.
6. Laba atau Keuntungan Berupa Pendapatan yang tidak termasuk dalam kategori di atas	<ul style="list-style-type: none"> Ini termasuk sebarang pendapatan (contoh: sewa dari aset yang lain seperti kenderaan yang tidak dilaporkan sebagai pendapatan perdagangan) yang tidak termasuk dalam mana-mana golongan pendapatan lain yang tersebut di atas. Satu contoh ialah dividen yang diterima daripada NTUC Healthcare Co-operative Ltd (tidak termasuk dividen yang diterima daripada NTUC Fairprice Co-operative dan NTUC Income Insurance Co-operative Ltd yang akan disertakan secara automatik).
8. Pendapatan yang Belum Dilaporkan Sebelum ini	<ul style="list-style-type: none"> Sekiranya anda telah menerima pendapatan bagi sebarang tempoh dari 1 Jan 2017 hingga 31 Dis 2020 yang belum dilaporkan sebelum ini, nyatakan jenis pendapatan, tarikh pendapatan diterima, tempoh yang berkaitan dengan pendapatan dan jumlah pendapatan tersebut. Untuk yuran pengarah, nyatakan tarikh di mana yuran telah diluluskan di Mesyuarat Agung Tahunan syarikat atau Mesyuarat Agung Luar Biasa.

Melengkapkan Muka Surat 3 Borang B dan Lampiran 2: Pelepasan Peribadi dan Potongan	
<p>Maklumat Umum tentang Derma/ Pelepasan</p>	<p>Derma/Pelepasan yang Dimasukkan Secara Automatik dalam Taksiran Cukai</p> <ul style="list-style-type: none"> • Dari tahun taksiran (YA) 2018, jumlah keseluruhan pelepasan cukai pendapatan peribadi akan dihadkan pada \$80,000 bagi setiap tahun taksiran. Anda harus terus menuntut pelepasan peribadi sekiranya anda telah memenuhi syarat kelayakan. Jika jumlah keseluruhan pelepasan yang dituntut melebihi \$80,000, jumlah pelepasan cukai akan dihadkan pada \$80,000. • Anda tidak perlu menuntut derma/pelepasan yang berikut. Ia akan dimasukkan secara automatik dalam taksiran cukai anda berdasarkan kelayakan anda dan rekod daripada pertubuhan yang berkenaan: <ul style="list-style-type: none"> (a) Derma yang dibuat secara langsung ke Institusi Bertaraf Awam (IPC) yang diluluskan (b) Derma yang dibuat kepada IPC yang diluluskan melalui potongan gaji dan majikan anda menyertai AIS untuk Pendapatan Pekerjaan (c) Pelepasan Pendapatan Pencarian (d) Pelepasan Tokokan Tunai CPF (e) Pelepasan Skim Persaraan Tambahan (SRS) (f) Pelepasan Anggota Kerahan Negara (bagi anggota kerahan, isteri atau ibu bapa Anggota Kerahan) <p>Derma/Pelepasan yang TIDAK Dimasukkan Secara Automatik dalam Taksiran Cukai</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sila pastikan bahawa anda memenuhi semua syarat-syarat kelayakan sebelum anda isikan jumlah dalam kotak yang berkenaan di Muka Surat 3 Borang B. • Denda akan dikenakan bagi sebarang tuntutan pelepasan yang salah selepas taksiran anda disemak. • Jika anda menuntut pelepasan cukai berkaitan Orang Yang Cacat buat kali pertama, sila lengkapkan borang "Application for Claim of Handicapped-Related Tax Reliefs" yang boleh dimuat turun dari laman IRAS.
<p>5. Derma</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Sekiranya majikan anda tidak menyertai AIS untuk Pendapatan Pekerja, isikan jumlah 2.5 kali ganda nilai derma kepada IPC yang diluluskan (dibundarkan kepada dolar terdekat) ditolak melalui gaji anda. Jumlah derma akan ditunjukkan dalam Borang IR8A.
<p>6a. Pelepasan Pasangan / Pasangan Cacat</p> <p>Jika anda telah menuntut pelepasan ini, orang lain tidak dibenarkan untuk menuntut sebarang pelepasan lain (contoh, Pelepasan Ibu Bapa/Ibu Bapa Cacat), melainkan Pelepasan Datuk Nenek Penjaga Cucu, ke atas pasangan anda.</p>	<p>Pelepasan Pasangan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Anda boleh membuat tuntutan: <ul style="list-style-type: none"> (a) \$2,000 jika anda tinggal serumah atau menanggungnya pasangan anda dalam 2021; atau (b) sehingga \$2,000 jika anda telah berpisah secara sah dan anda membayar sara hidup kepada isteri anda pada tahun sebelumnya di bawah Perintah Mahkamah/Surat Ikatan Pemisahan. • Jumlah potongan bagi Pelepasan Pasangan tidak harus melebihi \$2,000. • Anda tidak boleh menuntut Pelepasan Pasangan jika pasangan anda mempunyai pendapatan tahunan melebihi \$4,000 dalam tahun 2021. • Bagi tujuan ini, pendapatan termasuk pendapatan bercukai (misalnya perdagangan, pekerjaan dan penyewaan), pendapatan yang dikecualikan cukai (misalnya faedah bank, dividen dan pencen) dan pendapatan dari sumber asing (tanpa mengambil kira sama ada ia telah dikirimkan ke Singapura). <p>Pelepasan Pasangan Cacat</p> <ul style="list-style-type: none"> • Anda boleh membuat tuntutan: <ul style="list-style-type: none"> (a) \$5,500 jika anda telah menyara pasangan yang cacat fizikal atau mental pada tahun 2021; atau (b) sehingga \$5,500 jika anda sudah pun berpisah secara sah daripada isteri anda yang cacat dan anda telah membayar nafkah kepadanya pada tahun sebelumnya di bawah Perintah Mahkamah/Surat Ikatan Pemisahan. • Jumlah potongan bagi Pelepasan Pasangan Cacat tidak harus melebihi \$5,500. <p>Individu penduduk lelaki tidak dibenarkan menuntut sebarang pelepasan berhubung dengan alimoni yang dibayarnya kepada bekas isterinya di bawah Perintah Mahkamah.</p>

<p>6b. Pelepasan Anak</p> <p>Jika anda telah menuntut pelepasan ini, orang lain tidak dibenarkan untuk menuntut sebarang pelepasan lain (contoh, Pelepasan Adik-Beradik Cacat), ke atas anak yang sama.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Anda boleh menuntut Pelepasan Anak yang Layak (QCR)/Pelepasan Anak Cacat (HCR) jika anda mempunyai anak yang dilahirkan hasil dari anda dan pasangan/bekas pasangan anda, anak tiri atau anak yang diangkat secara sah. • Anda boleh membahagikan jumlah tuntutan anda untuk QCR atau HCR berdasarkan persetujuan di antara anda dan pasangan/bekas pasangan anda. • Jika anda menuntut bagi anak ke-5 dan seterusnya, sila berikan butiran di kertas yang berasingan dan isikan jumlah keseluruhan dalam baris ke-5 perkara 6(b) di Muka Surat 3 Borang B. <p>Pelepasan Kelayakan Anak (QCR)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Anda boleh menuntut \$4,000 bagi setiap anak yang anda tanggung dan belum berkahwin sepanjang tahun 2021 dan yang : <ul style="list-style-type: none"> (a) di bawah usia 16 tahun pada bila-bila masa dalam tahun 2021; atau (b) belajar sepenuh masa di sekolah, maktab, universiti atau institusi pendidikan yang lain dalam tahun 2021 jika anak itu berusia 17 tahun dan lebih; dan (c) tidak mempunyai pendapatan tahunan yang melebihi \$4,000 pada tahun 2021. • Bagi tujuan ini, pendapatan termasuk pendapatan bercukai (misalnya perdagangan, pekerjaan, gaji/elaun NS dan pendapatan daripada latihan amali dan penempatan), pendapatan dari sumber asing (tanpa mengambil kira sama ada ia telah dikirimkan ke Singapura) dan pendapatan yang dikecualikan cukai (misalnya faedah bank) tetapi tidak termasuk biasiswa dan dermasiswa. <p>Pelepasan Bagi Anak Yang Cacat (HCR)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Anda boleh menuntut \$7,500 jika anda telah menyara anak yang belum berkahwin sepanjang tahun 2021 dan juga cacat fizikal atau mental. <p>Pelepasan Anak untuk Ibu Yang Bekerja (WMCR)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Ibu yang bekerja yang sudah berkahwin, bercerai atau menjadi seorang balu boleh menuntut WMCR untuk anak yang belum berkahwin yang merupakan seorang warga Singapura pada 31 Dis 2021 dan telah memenuhi semua syarat kelayakan di bawah QCR atau HCR. <p>Jumlah QCR/HCR + WMCR = \$50,000 setiap anak* Jumlah WMCR dihadkan pada 100% daripada pendapatan pencarian ibu tersebut</p> <p>*QCR/HCR, tanpa mengambil kira sama ada ia dituntut oleh bapa atau ibu, akan dibenarkan dahulu. WMCR akan dihadkan kepada baki selepas tuntutan QCR/HCR dibenarkan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Anda mesti menyatakan susunan bagi setiap anak pada perkara 6(b) di Muka Surat 3 Borang B. WMCR akan dikira secara automatik berdasarkan kelayakan anda.
<p>6c. Pelepasan Ibu Bapa/ Ibu Bapa Cacat</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Anda boleh menuntut pelepasan ini jika anda telah menyara ibu bapa, datuk, nenek atau moyang anda/pasangan anda pada tahun 2021. Ibu bapa/datuk/nenek/moyang anda atau pasangan anda haruslah menetap di Singapura^A dalam tahun 2021 dan telah memenuhi semua syarat-syarat yang berikut:

Syarat-syarat	Ibu Bapa Tinggal dengan mana-mana orang yang membuat tuntutan	Ibu Bapa Cacat Tinggal dengan mana-mana orang yang membuat tuntutan	Ibu Bapa Tidak Tinggal dengan mana-mana orang yang membuat tuntutan #	Ibu Bapa Cacat Tidak Tinggal dengan mana-mana orang yang membuat tuntutan #
Berusia 55 tahun atau lebih dalam tahun 2021	\$9,000	\$14,000 (Kriteria usia dan pendapatan tidak dikenakan)	\$5,500	\$10,000 (Kriteria usia dan pendapatan tidak dikenakan)
Tidak menerima pendapatan tahunan * melebihi \$4,000 dalam tahun 2021				
Jumlah pelepasan boleh dikongsi antara semua yang layak membuat tuntutan yang ingin menuntut Pelepasan Ibu Bapa/Ibu Bapa Cacat ke atas tanggungan yang sama	Jika sekurang-kurangnya seorang daripada orang yang membuat tuntutan tinggal dengan tanggungannya, jumlah Pelepasan Ibu Bapa atau Ibu Bapa Cacat untuk dikongsi adalah \$9,000 atau \$14,000 .	Jika tiada seorang daripada orang yang membuat tuntutan tinggal dengan tanggungannya, jumlah Pelepasan Ibu Bapa Cacat untuk dikongsi adalah \$5,500 atau \$10,000 .		
<ul style="list-style-type: none"> Anda boleh menuntut sama ada Pelepasan Ibu Bapa atau Pelepasan Ibu Bapa Cacat tetapi tidak kedua-dua sekali, ke atas tanggungan yang sama, sehingga maksimum 2 tanggungan. Jika pelepasan tersebut dikongsi, semua orang yang membuat tuntutan mesti bersetuju dengan dasar pembahagian sebelum menuntut Pelepasan Ibu Bapa/Ibu Bapa Cacat ke atas tanggungan yang sama. Jika tidak, Pengawal Cukai Pendapatan akan membahagikan pelepasan tersebut secara sama rata antara semua yang membuat tuntutan. Jika anda telah membuat tuntutan untuk pelepasan ini, orang lain tidak dibenarkan untuk membuat tuntutan sebarang pelepasan lain (contohnya Pelepasan Pasangan), kecuali Pelepasan Datuk dan Nenek Penjaga Cucu, ke atas tanggungan yang sama. <p>[^] "Menetap di Singapura" bermaksud tanggungan menetap di Singapura buat selamalamanya, melainkan untuk ketidakhadiran sementara (contohnya percutian singkat di luar negara) dalam tahun 2021. Bagi tanggungan warga asing (untuk Pemegang kad FIN sahaja): secara umumnya, jika beliau menetap di Singapura bagi tempoh sekurang-kurangnya 8 bulan dalam tahun 2021, beliau akan dianggap sebagai menetap di Singapura.</p> <p>* Pendapatan termasuk pendapatan bercukai (misalnya perdagangan, pekerjaan dan penyewaan), pendapatan yang dikecualikan cukai (misalnya faedah bank, dividen dan pencen) dan pendapatan dari sumber asing (tanpa mengambil kira sama ada ia telah dikirimkan ke Singapura).</p> <p># Sekiranya mereka tidak tinggal serumah dengan anda di Singapura, anda mestilah telah membelanjakan sekurang-kurangnya \$2,000 untuk menanggung setiap seorang daripada mereka dalam tahun 2021.</p>				
6d. Pelepasan Datuk Nenek Penjaga Cucu (GCR) Anda tidak boleh menuntut pelepasan ini	<ul style="list-style-type: none"> Anda boleh membuat tuntutan potongan sebanyak \$3,000 terhadap pendapatan pencarian anda ke atas salah seorang ibu bapa atau datuk nenek anda atau pasangan/bekas pasangan anda jika anda seorang ibu yang bekerja yang sudah berkahwin, bercerai atau menjadi seorang balu. Di samping itu, ibu bapa atau datuk nenek anda atau pasangan/bekas pasangan anda harus: <ol style="list-style-type: none"> tinggal di Singapura pada tahun 2021; dan 			

<p>jika orang lain telah menuntut GCR ke atas penjaga yang sama.</p>	<p>(b) menjaga mana-mana anak* anda yang merupakan seorang warga Singapura dan (i) berusia 12 tahun atau kurang pada tahun 2021; atau (ii) pada tahun 2021, cacat fizikal atau mental dan belum berkahwin.</p> <p>(c) tidak menjalankan sebarang perdagangan, perniagaan, kekaryawanan, kejuruan atau pekerjaan dalam tahun 2021.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Nyatakan tuntutan anda bagi GCR di perkara 6(d) pada Muka Surat 3 Borang B. <p>* Merujuk kepada seorang anak yang sah daripada anda dan pasangan/bekas pasangan anda, anak tiri atau anak angkat yang sah.</p> <p>^ "Menetap di Singapura" bermaksud tanggungan menetap di Singapura buat selamalamanya, melainkan untuk ketidakhadiran sementara (contohnya percutian singkat di luar negara) dalam tahun 2021. Bagi tanggungan warga asing(untuk Pemegang kad FIN sahaja): secara umumnya, jika beliau menetap di Singapura bagi tempoh sekurang-kurangnya 8 bulan dalam tahun 2021, beliau akan dianggap sebagai menetap di Singapura.</p>
<p>6e. Pelepasan Adik-Beradik Cacat</p> <p>Anda tidak boleh menuntut pelepasan ini jika orang lain telah membuat tuntutan sebarang pelepasan lain (kecuali GCR), ke atas adik-beradik atau adik-beradik ipar yang sama.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Anda boleh menuntut sebanyak \$5,500 bagi setiap tanggungan jika anda menanggung adik beradik anda atau adik beradik pasangan anda yang cacat fizikal atau mental yang tinggal di Singapura[^]. Adik-beradik atau adik beradik ipar anda yang cacat yang mana anda membuat tuntutan pelepasan mesti tinggal serumah dengan anda dalam tahun 2021. Jika tidak, anda telah membelanjakan sekurang-kurangnya \$2,000 untuk menanggung setiap seorang daripada mereka pada tahun 2021. • Jumlah pelepasan boleh dikongsi antara adik-beradik atau adik-beradik ipar anda yang ingin membuat tuntutan Pelepasan Adik-Beradik Cacat ke atas tanggungan yang sama. • Sila nyatakan tuntutan anda di perkara 6(e) di Muka Surat 3 Borang B. Bagi tuntutan Pelepasan Adik-Beradik Cacat yang ke-3 dan seterusnya, sila isikan <u>jumlah tuntutan</u> tanggungan yang ke-3 dan seterusnya di baris ke-3 perkara 6(e). <p>[^] "Menetap di Singapura" bermaksud tanggungan menetap di Singapura buat selamalamanya, melainkan untuk ketidakhadiran sementara (contohnya percutian singkat di luar negara) dalam tahun 2021. Bagi tanggungan warga asing(untuk Pemegang kad FIN sahaja): secara umumnya, jika beliau menetap di Singapura bagi tempoh sekurang-kurangnya 8 bulan dalam tahun 2021, beliau akan dianggap sebagai menetap di Singapura.</p>
<p>6f. Pelepasan CPF/Tabung Simpanan Pekerja</p>	<p>Caruman Wajib CPF/Dana Pencen atau Tabung Simpanan yang diluluskan oleh Pekerja Warga Singapura dan Penduduk Tetap Singapura</p> <ul style="list-style-type: none"> • Caruman seperti ini tidak harus melebihi caruman berkanun di bawah Akta CPF. <ul style="list-style-type: none"> (a) Had gaji biasa untuk caruman CPF ialah \$6,000 sebulan. (b) Jumlah had gaji biasa (OW) akan dihadkan pada \$72,000 (iaitu 12 bulan x \$6,000) setahun dan had pendapatan keseluruhan bagi caruman CPF wajib ialah \$102,000 (iaitu 17 bulan x \$6,000). (c) Gaji tambahan akan dihadkan pada jumlah yang sama dengan perbezaan antara \$102,000 dan jumlah OW. • Jangan menuntut pelepasan ini jika sebarang pendapatan pekerjaan anda dimasukkan secara automatik kerana kami memperolehi maklumat ini secara langsung daripada majikan anda yang menyertai AIS. <p>Caruman Wajib kepada CPF oleh Individu yang Bekerja Sendiri (Caruman Medisave)</p> <p>Jika anda merupakan seorang individu yang bekerja sendiri, (Warga Singapura atau Penduduk Tetap Singapura), anda diperlukan membuat caruman wajib Medisave jika pendapatan bersih perdagangan anda melebihi \$6,000 pada tahun 2021. Untuk maklumat lanjut mengenai kadar sumbangan Medisave, sila rujuk kepada laman web Lembaga CPF.</p> <p>Jumlah pelepasan cukai untuk caruman CPF wajib dan sukarela anda akan dihadkan kepada 37% taksiran pendapatan bersih perdagangan atau \$37,740 yang mana lebih rendah. Pelepasan ini akan dimasukkan secara automatik ke dalam taksiran anda berdasarkan rekod sumbangan yang dihantar oleh Lembaga CPF.</p> <p>Caruman sukarela kepada Akaun Medisave sendiri</p> <p>Sekiranya anda seorang Warga Singapura atau Penduduk Tetap Singapura dalam tahun 2021, anda boleh menuntut caruman tunai sukarela anda dalam lingkungan had caruman CPF tahunan sebanyak \$37,740 (iaitu 17 bulan x \$6,000 x 37%) dan dalam lingkungan jumlah penjagaan kesihatan asas, yang diarah secara khusus oleh anda</p>

	<p>untuk dibayar kepada Akaun Medisave anda sendiri. Caruman sukarela seperti ini mestilah belum pernah anda tuntutan sebagai individu yang bekerja sendiri.</p>
6g. Pelepasan Insuran Nyawa	<ul style="list-style-type: none"> • Anda boleh menuntut pelepasan premium insurans nyawa yang telah anda bayar bagi polisi insurans anda atau isteri anda. • Premium yang dibayar bagi polisi insurans nyawa anak anda tidak dibenarkan. • Untuk menuntut pelepasan ini, jumlah caruman CPF anda sebagai pekerja, caruman Medisave/Sukarela CPF sebagai seorang yang bekerja sendiri dan caruman tunai sukarela ke akaun Medisave anda dalam tahun 2021 kurang daripada \$5,000 dan anda sudah membayar premium insurans tersebut pada tahun 2021. • Sekiranya polisi anda telah dibeli pada atau selepas 10 Ogos 1973, syarikat insurans anda mesti mempunyai pejabat atau cawangan di Singapura. • Anda boleh menuntut yang mana lebih rendah daripada berikut: <ul style="list-style-type: none"> (a) perbezaan antara \$5,000 dan caruman CPF anda; atau (b) sehingga 7% nilai insurans bagi nyawa anda atau isteri anda atau jumlah premium insurans yang telah dibayar.
6h. Pelepasan Yuran Kursus	<p>Anda boleh menuntut yuran kursus sebenar yang ditanggung, sehingga maksimum \$5,500 jika anda telah:</p> <p>(a) mengambil sebarang kursus atau menghadiri sebarang seminar/persidangan pada tahun 2021: (i) yang membawa kepada kelayakan akademik, kekaryawanan atau kejuruan yang diluluskan; atau (ii) berkaitan dengan perdagangan, perniagaan, kekaryawanan, kejuruan atau pekerjaan anda sekarang; atau</p> <p>(b) tamat menghadiri sebarang kursus, seminar/persidangan antara 1 Jan 2019 dan 31 Dis 2020 dan kursus, seminar/persidangan tersebut berkaitan dengan perdagangan, perniagaan, kekaryawanan, kejuruan atau pekerjaan baru anda yang bermula pada tahun 2021.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Yuran kursus yang dibenarkan termasuk yuran pendaftaran atau yuran kemasukan, yuran peperiksaan, yuran tuisyen dan yuran ujian kemahiran (untuk kursus komputer). Anda tidak boleh menuntut perbelanjaan sara hidup, perbelanjaan bagi buku teks, perbelanjaan perjalanan dan sebarang jumlah yang dibayar atau dibayar balik oleh majikan/ dan sebarang pertubuhan lain untuk kursus tersebut. • Pelepasan ini tidak diberikan kepada graduan politeknik/universiti bagi yuran kursus politeknik/universiti mereka jika mereka tidak pernah bekerja atau menjalankan sebarang perdagangan, perniagaan, kekaryawanan atau kejuruan sebelum ini. Pekerjaan semasa cuti sekolah atau latihan amali tidak dianggap sebagai pekerjaan bagi tujuan pelepasan ini. <p>Jika pendapatan anda yang ditaksir adalah kurang daripada \$22,000, anda boleh menagguhkan tuntutan anda untuk yuran kursus. Sila layari laman IRAS untuk maklumat lanjut.</p>
6i. Pelepasan Levi Pembantu Rumah Asing (FML)	<p>Anda boleh menuntut dua kali ganda jumlah levi yang dibayar untuk seorang pembantu rumah dalam tahun 2021 ke atas pendapatan pencarian anda jika anda:</p> <p>(a) seorang wanita sudah berkahwin yang tinggal bersama suami anda dalam tahun 2021; atau</p> <p>(b) seorang wanita sudah berkahwin dan suami anda tidak bermastautin di Singapura pada tahun 2021; atau</p> <p>(c) sudah berpisah dari suami anda, bercerai atau menjadi balu pada tahun 2021, mempunyai anak-anak yang tinggal serumah dengan anda yang anda layak membuat tuntutan pelepasan anak.</p> <p>Ia tidak kira sama ada levi dibayar oleh anda atau suami anda. Anda boleh menuntut yang mana lebih rendah daripada yang berikut:</p> <p>(a) dua kali jumlah levi yang dibayar, sehingga \$1,440 (jika anda layak bagi levi konsesi sebanyak \$60 setiap bulan) atau \$7,200/ \$10,800*; atau</p> <p>(b) jumlah pendapatan pencarian anda.</p> <p>*Kadar levi untuk pembantu rumah asing (FDW) yang pertama, tanpa konsesi, adalah \$300 setiap bulan. Jumlah keseluruhan pelepasan= (\$300 x 12) x 2 = \$7,200</p> <p>Kadar levi untuk FDW yang seterusnya, tanpa konsesi, adalah \$450 setiap bulan. Jumlah keseluruhan pelepasan = (\$450 x 12) x 2 = \$10,800</p>

**Rebat Cukai
Keibubapaan (PTR)***

Anda boleh menuntut PTR sekiranya anda seorang penduduk Singapura yang sudah bernikah, bercerai atau menjadi seorang balu yang mempunyai anak dalam tahun 2021:

- (a) yang dilahirkan oleh anda dengan pasangan/bekas pasangan anda dalam tahun 2021; atau
- (b) yang diambil sebagai anak angkat secara sah pada tahun 2021 sebelum dia mencapai usia 6 tahun; atau
- (c) yang dilahirkan oleh anda dengan pasangan/bekas pasangan anda sebelum anda bernikah dengan pasangan/bekas pasangan anda dan pernikahan anda telah didaftarkan dalam tahun 2021 sebelum anak anda mencapai usia 6 tahun.

Anak tersebut haruslah seorang Warga Singapura:

- (a) pada waktu lahir atau dalam tempoh 12 bulan kemudiannya; atau
- (b) pada waktu pengambilan sebagai anak angkat secara sah atau dalam tempoh 12 bulan kemudiannya; atau
- (c) pada waktu pernikahan ibubapanya atau dalam tempoh 12 bulan kemudiannya.

- Susunan anak-anak anda ditentukan berdasarkan tarikh lahir, tarikh pengambilannya sebagai anak angkat secara sah atau tarikh pernikahan ibu bapa, yang mana berkenaan, bagi semua anak anda yang tinggal serumah tanpa mengambil kira sama ada anak tersebut anak yang layak bagi tujuan PTR.
- Adik-beradik yang meninggal dunia akan diambil kira dalam menentukan jumlah adik-beradik yang dimiliki oleh seorang anak pada masa dia dilahirkan, diambil sebagai anak angkat atau pernikahan ibu bapanya, mengikut keadaan.
- Jumlah rebat adalah seperti berikut:
 - (a) Anak yang pertama: \$5,000;
 - (b) Anak yang kedua: \$10,000;
 - (c) Anak yang ketiga dan seterusnya: \$20,000 setiap anak

Anda dan pasangan anda boleh berkongsi PTR berdasarkan pembahagian yang dipersetujui oleh anda berdua. Jika peratus PTR yang dituntut anda tidak mencapai 100% atau anda tidak dapat memersetujui pembahagian tersebut, kami akan membahagikan PTR secara sama rata antara anda berdua. PTR boleh ditolak dari cukai pendapatan anda atau pasangan anda. Jika cukai pendapatan yang perlu dibayar bagi YA tersebut adalah kurang daripada rebat, sebarang rebat yang tidak digunakan akan secara automatik ditolak daripada cukai pendapatan yang perlu dibayar bagi tahun-tahun yang berikutnya sehingga rebat tersebut digunakan sepenuhnya.

Jika anda menuntut PTR buat kali pertama, lengkapkan perkara 7 di Lampiran 2 dan hantarkan salinan bagi yang berikut, jika berkenaan:

- (a) surat pengambilan anak angkat secara sah bagi kes seorang anak angkat; dan/atau
- (b) surat nikah bagi perkahwinan yang didaftarkan di luar Singapura.

- Bagi mengelakkan tuntutan berganda untuk PTR, tiada anak akan dianggap sebagai ahli yang tinggal dalam dua isi rumah. Oleh itu, anak daripada perkahwinan terdahulu akan dimasukkan dalam unit keluarga seorang ibu bapa selepas mengambil kira hak penjagaan, pengasuhan dan kawalan serta aturan tempat tinggal anak.
- Sebarang jumlah yang tidak digunakan boleh dipindahkan melalui talian di [myTaxPortal](#) dari akaun anda ke akaun pasangan anda.
- ❖ Sekiranya anak anda yang layak diberikan sebagai anak angkat kepada keluarga lain, anda dan pasangan anda akan kehilangan baki PTR yang diberikan untuk anak tersebut dari tahun taksiran selepas tahun anak tersebut diberikan sebagai anak angkat.
- ❖ Pasangan yang sudah bercerai dibenarkan untuk terus menggunakan baki PTR mereka selepas bercerai. Jika pasangan yang sudah bercerai itu bernikah lagi, dia tidak akan dibenarkan berkongsi baki PTRnya bagi anak daripada perkahwinan terdahulu dengan pasangannya yang baru.